



## DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)

Pemohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

### Bil. Iklan: DBKU/11/2020

- 1 a) **Jawatan:** Pegawai Tadbir Gred N41 (Sistem Maklumat)  
b) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara  
c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pentadbiran Dan Sokongan  
d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Pengurusan Dan Profesional  
e) **Bahagian Yang Memerlukan:** Bahagian Teknologi Maklumat (ICT)
- c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

**Taraf Jawatan : Kontrak**

### 2. **Jadual Gaji Pegawai Tadbir Gred N41 :-**

| <u>Gaji Minimum</u> | <u>Gaji Maksimum</u> |
|---------------------|----------------------|
| RM 2,080.00         | RM 9,546.00          |

### 3. **Antara Skop Tugas Utama**

- a) Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis kesesuaian sistem komputer yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk, membangun, melaksana, menyelenggara serta mengkaji semula sistem pemprosesan data dan maklumat bersesuaian dengan kegunaan Jabatan

### 4. **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Berumur tidak kurang dari 23 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- b) (i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM 2,080.00) ; atau

- (ii) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM 2,283.43)

### **Cara Memohon:**

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan **menulis surat besertakan 'resume' yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta siji-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Dewan Bandaraya Kuching Utara  
Tingkat 3, Bangunan DBKU  
Bukit Siol, Jalan Semariang  
Petra Jaya, 93050 Kuching

Pemohon di kalangan kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- a) Laporan Sulit
- b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

**Tarikh Akhir Permohonan : 02 Disember 2020**

### **Catatan Am:**

- (i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenaraitapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

### **KEUTAMAAN:**

- Memiliki **Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat atau bidang berkaitan** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Berpengalaman kerja 3 hingga 5 tahun dalam bidang teknologi / sistem maklumat.